

# Pemimpin MCA diing jangan berkhayal

**KUALA LUMPUR,** Ahad — Presiden MCA, Datuk Lee San Choon mengingatkan pemimpin-pemimpin parti itu jangan berkhayal dengan kemenangan cemerlang calon MCA dalam pilihan raya lalu sebaliknya memikul tanggungjawab memenuhi kehendak kerajaan dan rakyat dengan penuh dedikasi.

Katanya, MCA sadar akan tanggungjawabnya dan kemenangan cemerlang parti itu bermakna tanggungjawab parti bertambah dan "kami tidak akan lalai menjalankan tanggungjawab membina sebuah masyarakat Malaysia yang adil dan saksama."

Berucap di persidangan Ketua-ketua Bahagian dan Cawangan MCA di sini yang dirasmikan oleh Perdana Menteri hari ini, Datuk Lee San Choon berkata, MCA adalah sebuah parti yang "rendah diri" dan kemenangan pilihan raya

lalu mengingatkan MCA kepada peranan yang akan dimainkannya dalam pembangunan di negara ini.

"Sebagai komponen Barisan Nasional, MCA akan memainkan peranannya bagi memastikan negara ini mencapai tingkat kemajuan dan pembangunan yang tinggi di samping memastikan matlamat Bersih, Cekap dan Amanah juga dicapai," ujarnya.

## Perpaduan

Kepada ahli-ahli MCA, Datuk Lee San Choon mengingatkan, kemenangan MCA itu merupakan satu permulaan sejarah perwakilan politik masyarakat Cina di negara ini yang mana menandakan MCA sebagai wakil mereka.

"Kita percaya dalam usaha membangunkan negara bangsa perjanjian tiga pihak iaitu masyarakat Melayu, India dan Cina di negara ini penting dan sudah terbukti kejayaannya.

"Perjanjian tiga pihak inilah telah mewujudkan hubungan harmoni antara kaum yang menjadi asas kepada kestabilan politik di negara ini," tegas beliau.

Menurut Datuk Lee lagi, hakikat perpaduan kebangsaan yang diperjuangkan mestilah bermula dari perpaduan melalui kaum-kaum dahulu yang mana tugas ini memerlukan persetujuan umum berbagai masyarakat.

Apa yang penting disadari, objektif ini bergantung kepada keperluan mengekalkan perimbangan kehendak berbagai kaum di negara ini.

"Ini bermakna kita mestilah memastikan usaha yang berkesan dibuat diterima oleh semua kaum di negara ini," tambah beliau.

Datuk Lee San Choon selanjutnya menekankan betapa pentingnya sosio ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan politik di negara ini mencerminkan penyertaan berbagai kaum.

"Kerjasama melalui

semangat perjanjian tiga penjuror dan persefahaman tulus membolehkan paduan tenaga bagi mengukuhkan lagi kestabilan negara," tambah beliau.

Menyentuh disiplin dalam MCA, Datuk Lee San Choon berharap ahli-ahli MCA supaya menghormati peraturan dan disiplin yang dipersetujui, kalau tidak perpecahan individu dalam parti berlaku.

## Disiplin

Katanya, ahli-ahli MCA terpaksa menghadapi zaman cabaran ini dengan menyumbangkan usahanya sejajar dengan disiplin parti kerana sebagai sebuah parti yang besar banyak sumbangan boleh dilakukan oleh ahli-ahli.

"Parti mempunyai garis panduan untuk mencapai objektif yang dituju dan semua orang mesti mematuhi. Saya berjanji selagi menjadi Presiden MCA selagi itulah disiplin parti dikekalkan," katanya.

Bahan asal dari Arkib